



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“IBRAH PEMBEBASAN KOTA MEKAH”

27 Februari 2026 / 9 Ramadan 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَفَرَضَ عَلَيْنَا الصَّلَاةَ وَالصِّيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan mengupas satu peristiwa agung dalam sejarah Islam yang berlaku dalam bulan Ramadan, iaitu *Fathu Makkah* atau ‘Pembebasan Kota Mekah’; peristiwa yang sarat dengan pengajaran dan hikmah untuk kita hayati. Firman Allah SWT:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۖ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۝
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ۝﴾

Maksudnya: “Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa kamu wahai Muhammad berjaya menguasai Mekah). Dan kamu melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai. Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada Nya. Sesungguhnya Dia sangat menerima taubat.”
(Surah An-Nasr, ayat 1 hingga 3)

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Fathu Makkah atau 'Pembebasan Kota Mekah' berlaku susulan Quraisy mengkhianati Perjanjian Hudaibiyah. Pada 10 Ramadan tahun ke-8 Hijrah, Rasulullah SAW menghimpun 10,000 orang sahabat dan bergerak dari Madinah secara terancang menuju ke Mekah. Rasulullah SAW tidak menyerang Mekah secara mengejut, sebaliknya memberikan peluang kepada penduduk Mekah untuk menyerah secara damai. Baginda berjaya membebaskan Mekah pada 20 Ramadan tahun ke-8 Hijrah, secara aman tanpa pertumpahan darah.

Jemaah yang dimuliakan,

Terdapat beberapa ibrah penting daripada peristiwa *Fathu Makkah*, antaranya;

Pertama: Perancangan dan tawakal asas kemenangan.

Perancangan Rasulullah SAW menjadi bukti bahawa kejayaan tidak datang hanya dengan tawakal, tetapi melalui strategi yang bijaksana. Baginda mengatur pergerakan tentera dengan disiplin, masuk dari pelbagai arah untuk mengelakkan pertumpahan darah, serta mengarahkan agar tidak mengganggu orang awam; langkah yang menunjukkan bahawa kemenangan Islam dibina atas asas hikmah, keadilan dan perancangan rapi.

Namun, di sebalik strategi tersebut, Rasulullah SAW dan para sahabat tetap bertawakal penuh kepada Allah SWT. Mereka yakin bahawa pertolongan Allah pasti tiba, sebagaimana firman Nya yang bermaksud:

"Barang siapa bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan keperluannya" (Surah at-Talaq ayat 3)

Gabungan antara usaha manusia dan tawakal kepada Allah menjadikan pembebasan Kota Mekah berlaku dengan aman, sekali gus membuktikan bahawa tawakal ialah kekuatan rohani yang menyempurnakan perancangan.

Kedua: Kebijaksanaan kepemimpinan meraikan kemenangan dengan sifat kerendahan hati dan kemaafan.

Rasulullah SAW tidak mengutamakan peristiwa penaklukan tetapi amalan berorganisasi yang strategik; serta contoh teladan pemimpin yang bijak, berjaya mengubah musuh menjadi sekutu, menyemai kepercayaan dalam kalangan pengikut, dan membentuk organisasi yang stabil serta berjaya.

Rasulullah SAW menunjukkan bahawa kemenangan sejati datang bersama kerendahan hati. Baginda memasuki Mekah dengan kemenangan tetapi tidak bersifat angkuh, riak atau sombong; Baginda tidak bersifat berdendam, malah tunduk dan syukur kepada Allah SWT, menginsafi bahawa kejayaan merupakan amanah yang menuntut akhlak mulia, keadilan dan tanggungjawab. Sabda Nabi SAW bermaksud:

"Tidaklah seseorang merendahkan diri kerana Allah, melainkan Allah akan mengangkat darjatnya" (Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW juga mendidik bahawa sifat memaafkan lebih tinggi daripada sifat membalas dendam. Justeru Baginda memaafkan penduduk Mekah yang pernah memusuhi dan menyakiti Baginda, dengan ucapan:

"Pergilah kamu semua, kamu adalah orang-orang yang dibebaskan"

(Riwayat al-Baihaqi dan Ahmad)

Prinsip ini selaras dengan maksud firman Allah SWT dalam Surah an-Nur ayat 22, yang menyeru umat Islam agar berlapang dada dan memaafkan; pengajarannya, masyarakat yang kuat tidak dibina dengan dendam, tetapi dengan kasih sayang, keadilan dan kemaafan.

Ketiga: Ketegasan menentang syirik dan kebatilan.

Walaupun Rasulullah SAW menunjukkan sifat pemaaf yang luar biasa terhadap penduduk Mekah, Baginda berpegang teguh pada prinsip tauhid tanpa sebarang tolak ansur. Setelah memasuki Masjidilharam, Baginda menghapuskan berhala-berhala di sekitar Kaabah, sambil mengisytiharkan kemenangan kebenaran ke atas kebatilan; membuktikan bahawa kemaafan terhadap manusia tidak bermakna bersedia bertolak ansur terhadap kesesatan akidah.

Islam menuntut ketegasan dalam perkara prinsip, namun pada masa yang sama menganjurkan kelembutan dan hikmah dalam pendekatan. Akhlak mulia bukan alasan untuk menggadaikan keimanan, sebaliknya menjadi pelengkap kepada keteguhan aqidah.

Hakikatnya kemenangan Islam bersifat menyeluruh, bukan sekadar ketenteraan tetapi kejayaan menegakkan tauhid, menampilkan akhlak mulia, serta memastikan syariat dilaksanakan dengan adil dan penuh rahmah; di samping membuka ruang dakwah sehingga manusia menerima Islam dengan rela hati. Justeru, ummah dituntut supaya berani mempertahankan kebenaran, menolak segala bentuk kemungkaran serta menjauhkan diri daripada syirik dalam pelbagai wajah dan jelmaan baharu, termasuk pengagungan berlebihan terhadap harta, pangkat, jawatan dan pemimpin atau manusia.

Keempat: Menjelaskan kelonggaran berpuasa ketika melaksanakan jihad, diperlihatkan apabila Rasulullah SAW berbuka dalam perjalanan menuju ke Mekah, di sebuah tempat bernama *al-Kadid* demi menjaga kekuatan Mujahidin; menunjukkan hikmah kepimpinan dan keseimbangan antara ibadah serta tuntutan perjuangan dalam Islam.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتَّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Kurniai kami kesedaran menghayati peristiwa *Fathu Makkah* dengan menyuburkan sifat-sifat mulia dalam diri kami, bersifat pemaaf, tidak berdendam, merendah diri, tidak bongkah dan angkuh, berupaya menjinakkan seteru menjadi sekutu; dan tegas berpegang kepada ketauhidan Ilahi.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.